

D910

R B602 DEB
MAHATHIR - PRESTASI 1984

KUALA LUMPUR, 22 OKT. (BERNAMA) -- SISTEM PENILAIAN PRESTASI DI KALANGAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM PATUTLAH DIBENTUK, PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENCADANGKAN HARI INI. PERDANA MENTERI BERPENDAPAT SISTEM ITU HENDAKLAH DIPRAKTIKKAN DI SEPANJANG MASA UNTUK MENGUKUR PENCAPAIAN KAKITANG KERAJAAN. SAMBIL MENEKANKAN PERLU NYA PERKHIDMATAN AWAM MEMBERI PERHATIAN KEPADA PRESTASINYA, BELIAU BERKATA MEMANDANGKAN PERANAN DAN STRUKTUR PERKHIDMATAN AWAM BEGITU KOMPLEKS, PENGGUNAAN SESUATU KRITERIA PRESTASI SAHAJA TIDAK MENCUKUPI.

+ PERKHIDMATAN AWAM HARUSLAH MENGUKUR PRESTASINYA DENGAN BEBERAPA UKURAN ATAU KRITERIA MENGIKUT KEADAAN, + TAMBAHNYA SEMASA MERASMIKAN KAMPUS UTAMA INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN) DI BUKIT KIARA DISINI.

DIANTARA KRITERIA YANG DICADANGKAN OLEH PERDANA MENTERI IALAH:-

+ KEBERKESANAN, IAITU TAHAP PENCAPAIAN OBJEKTIF-OBJEKTIF YANG DITENTUKAN,

+ DAYA PENGELUARAN, IAITU KUANTITI DAN KUALITI HASIL DARI SESUATU JENIS INPUT, -- LAGI
1448MST 22 10 84

D919

R B603 DEB

MAHATHIR - PRESTASI 2 KUALALUMPUR

+ KECEKAPAN IAITU KEMAMPUAN UNTUK MENAMEAHKAN HASIL DENGAN PENGGUNAAN INPUT YANG MINIMA ATAU MENJAMIN HASIL YANG SAMA DENGAN PENGURANGAN INPUT,

+ KEBERUNTUNGAN IAITU PULANGAN WANG DARI PELABURAN,

+ PENCAPAIAN MENGIKUT RANGKA DASAR DAN PERATURAN YANG DISEDIAKAN, DAN

+ PENCAPAIAN UNTUK MEWUJUDKAN NO R MA-N OR MA PEMBAHARUAN YANG DICITA-CITAKAN.

DALAM HUBUNGAN INI, DR. MAHATHIR MENEKANKAN PERLU NYA INTAN MEMBERI KEUTAMAAN UNTUK MENERAPKAN NILAI-NILAI MEMENTINGKAN KRITERIA PRESTASI DI KALANGAN PESERTA KURSUS DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM.

LANGKAH-LANGKAH HENDAKLAH DIAMBIL UNTUK MENJAMIN PARA PEGAWAI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM DAPAT MENGAMALKAN CARA-CARA DAN ALAT-ALAT ITU DALAM TUGAS-TUGAS HARIAN MEREKA.

PERDANA MENTERI JUGA MENGESYORKAN SUPAYA LATIHAN DI ANJURKAN DI PERINGKAT DAERAH-DAERAH YANG MELIBATKAN SEMUA PEGAWAI DARI SEMUA JABATAN BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENYEDIAKAN RANCANGAN PEMBANGUNAN DAERAH YANG KEMAS DAN DAPAT DILAKSANAKAN OLEH MEREKA.

INI RENTING BAGI MENGGERAKAN PENTADBIRAN PEMBANGUNAN DAERAH MEMANDANGKAN PERINGKAT DAERAH LAH YANG MENENTUKAN MUNDUR-MAJUNYA NEGARA, TEGASNYA. -- LAGI

1455MST 22 10 84

D920

R B604 DEB

MAHATHIR - PRESTASI 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERPENDAPAT LATIHAN BERTINDAK DAN MENYELESAIKAN MASALAH INI BOLEH DIUSAHAKAN DENGAN MENGAMBIL TENAGA DARI MAMPU, UNIT PENYELIDIKAN SOSIO-EKONOMI (SERU), UNIT PERANCANG NEGERI DAN PEJABAT PEGAWAI KEMAJUAN NEGERI, MEMANDANGKAN IA MUNGKIN TIDAK MAMPU DIBUAT OLEH INTAN SAHAJA.

SEEAGAI LANGKAH AWALAN, BEBERAPA DAERAH DI NEGERI-NEGERI YANG KURANG MAJU BOLEHLAH DIPILIH SEBAGAI PROJEK PERMULAAN.

BELIAU YAKIN USAHA BERSEPADU INI, JIKA DILAKSANAKAN SEBAGAI SATU PROGRAM YANG MENYELURUH UNTUK MENGGERAKAN PEMBANGUNAN DAERAH, AKAN DAPAT MEMPERCEPATKAN PROSES PEMBANGUNAN NEGARA.

DR. MAHATHIR BERKATA LATIHAN ITU JUGA AKAN MEMBERI KESEMPATAN KEPADA PIHAK-PIHAK YANG BERLAINAN LATAR BELAKANG SEPERTI PEGAWAI DAERAH, JURUTERA, DOKTOR, KADI DAN PEGAWAI PELAJARAN MENGANALISA MASALAH SECARA BERSAMA DAN DAPAT PULA MENYEDIAKAN RANCANGAN BERTINDAK MASING-MASING SECARA BERSEPADU.

+ DENGAN PENGLIBATAN AGENSI-AGENSI ITU, SEMUA MASALAH BOLEH DIATASI DAN SAYA YAKIN CARA INI AKAN MEMBERI MANFAAT YANG BESAR KEPADA SEMUA, LEBIH-LEBIH LAGI KEPADA RAKYAT, + -- BERNAMA
1458MST 22 10 84